

Kn. P.U. 7.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)****UNDANG-UNDANG KECIL RUMAH-RUMAH TUMPANGAN
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2012****SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

Undang
Undang
Kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Lesen
4. Permohonan mendapatkan lesen
5. Bentuk lesen
6. Sahnya lesen
7. Pengecualian daripada lesen
8. Pindah milik lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan
10. Ukuran pemuatan bilik-bilik di dalam rumah-rumah tumpangan
11. Menyediakan tempat mandi dan tandas
12. Daftar hendaklah disimpan
13. Penyakit hendaklah dilapor

Undang

Undang

Kecil

14. Bilik-bilik hendaklah disembur
15. Kawalan kebersihan dan struktur
16. Mengadakan tong sampah
17. Tidur di ruang dapur dan lain-lain dilarang
18. Bekalan air
19. Pengambilan pekerja-pekerja
20. Kuasa memasuki dan memeriksa premis-premis
21. Menghalang pegawai menjalankan tugas
22. Tiada liabiliti atas pegawai-pegawai
23. Pencegahan kebakaran
24. Bising/ kacau ganggu
25. Penalti
26. Kuasa mengkompaun
27. Menutup aurat
28. Penyitaan
29. Tuntutan barang-barang yang disita

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL RUMAH-RUMAH TUMPANGAN
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Gua Musang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Rumah-Rumah Tumpangan (Majlis Daerah Gua Musang) 2012** dan terpakai bagi seluruh kawasan Majlis Daerah Gua Musang.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“aurat” ertinya bagi wanita adalah seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tangan dan bagi lelaki adalah antara pusat hingga kedua-dua lutut;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Gua Musang;

“pakaian menutup aurat” ertinya pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan dan pakaian bagi lelaki adalah antara pusat hingga kedua-dua lutut;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah undang-undang kecil ini dan termasuk mana-mana orang yang dipertanggungjawabkan atau menguruskan premis-premis berlesen;

“penyakit berjangkit” ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan sebagai penyakit berjangkit berbahaya di bawah seksyen 2 Ordinan Kuarantin dan Pencegahan Penyakit 1939 [Ord.52/1939];

“premis-premis berlesen” ertinya mana-mana rumah atau bangunan atau sebahagian daripadanya yang diberi lesen di bawah undang-undang kecil ini;

"rumah-rumah tumpangan" termasuk hotel dan mana-mana tempat di mana disediakan kemudahan penginapan bagi tumpangan atau penginapan untuk lima atau lebih orang dengan apa jua keadaan, dengan tujuan sewaan atau pembalasan dan di mana apa-apa jua perkhidmatan domestik yang disediakan oleh tuan punya, pemajak, penyewa utama, pemilik atau pengurus kepada mana-mana jua orang yang menumpang atau menginap dan termasuk mana-mana rumah tumpangan lain;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Lesen

3. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat atau premis-premis di dalam kawasan Majlis Daerah Gua Musang sebagai sebuah rumah tumpangan melainkan ia dilesenkan untuk berbuat demikian oleh Majlis.
(2) Fi yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.
(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah menghendaki pemohon memberikan dua keping gambarnya bersaiz pasport dengan mana ia boleh dikenali.
(3) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana pemohon bagi pengeluaran atau pembaharuan sesuatu lesen supaya hadir sendiri atau, bagi sesuatu perbadanan atau firma tersebut supaya hadir, semasa lesen tersebut dikeluarkan atau diperbaharui.

Bentuk lesen

5. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
(2) Majlis boleh mengenakan had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan ke atas sesuatu lesen sebagaimana difikirkan patut dan boleh menambah, mengubah, memotong atau meminda had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan itu tanpa memberi apa-apa sebab.
(3) Majlis boleh menurut budi bicaranya enggan memberi atau memperbaharui sesuatu lesen tanpa memberikan apa-apa sebab.

Sahnya lesen

6. (1) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih awal oleh Majlis akan berkuat kuasa selama setahun mulai dari tarikh ianya dikeluarkan dan tamat sehingga atau pada dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1) Majlis boleh melanjutkan tempoh sahnya sesuatu lesen sehingga tidak lebih daripada tiga tahun mulai dari tarikh ianya dikeluarkan hingga tahun ianya berakhir.

Dengan syarat bahawa fi yang kena dibayar hendaklah dikenakan atas setahun ke setahun.

Kecuali dibatalkan terlebih awal oleh Majlis.

Pengecualian daripada lesen

7. (1) Majlis boleh mengecualikan daripada lesen atau fi mana-mana rumah tumpangan yang difikirkan munasabah.

(2) Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini yang difikirkan patut.

Pindah milik lesen

8. (1) Sesuatu lesen adalah tidak boleh dipindah milik tetapi Majlis boleh, sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen, di atas permohonan pemegangnya, membenarkan pindah milik lesen tersebut kepada seorang lain.

(2) Fi yang kena dibayar bagi pindah milik hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen dalam Jadual Undang-Undang Kecil ini.

Lesen hendaklah dipamerkan

9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan diperiksa di premis-premis berlesen dan hendaklah mengemukakan atau disebabkan supaya dikemukakan lesen itu apabila diminta berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis.

Ukuran pemuatan bilik-bilik di dalam rumah-rumah tumpangan

10. (1) Pada masa mengeluarkan apa-apa lesen untuk sebuah rumah tumpangan, Yang Dipertua hendaklah memperuntukkan kepada setiap bilik di dalam rumah tumpangan itu suatu tiket bercetak menunjukkan jumlah orang-orang yang boleh dimuatkan di dalam sesebuah bilik itu.

(2) Jumlah orang-orang hendaklah dikira dengan merujuk kepada isipadu sesebuah bilik dan supaya di dalam perihal sebuah bilik ruang udara hendaklah dibenarkan seperti berikut—

- (a) tidak kurang dari empat ratus kaki isipadu (11.3 meter isipadu) bagi setiap orang dewasa
- (b) dua ratus lima puluh kaki isipadu (7 meter isipadu) bagi setiap kanak-kanak di bawah umur sebelas tahun;

Dengan syarat pada pengukuran ruang udara itu, ruangan pada ketinggian melebihi dari sepuluh kaki (3 meter) dari lantai bilik itu hendaklah diambil kira ke dalam pertimbangan.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyimpan setiap tiket itu dan dipamerkan supaya mudah dilihat di dinding bilik yang mana ianya telah ditetapkan oleh Yang Dipertua, dan tiada seorang pun boleh melebihi dari jumlah yang diterangkan di dalam tiket mengikut penetapan kepada mana-mana bilik itu dibenarkan menginap di dalamnya.

Menyediakan tempat mandi dan tandas

11. Tiada lesen boleh diberikan untuk kegunaan sebagai rumah tumpangan oleh mana-mana rumah atau bangunan yang mana tidak memenuhi kehendak-kehendak berikut—

- (a) hendaklah ada menyediakan tempat yang sesuai untuk mencuci dan mandi;
- (b) hendaklah ada tandas yang mencukupi sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua; dan
- (c) pembinaan, pencahayaan dan peredaran udara setiap bilik dan setiap tandas adalah seperti yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Daftar hendaklah disimpan

12. Pemegang lesen sesebuah rumah tumpangan hendaklah mendaftarkan butir-butir terhadap semua orang yang menggunakan rumah tumpangannya itu—

- (a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;
- (b) tarikh ketibaan dan tarikh berlepas; dan

- (c) no. kad pengenalan, pasport atau lain-lain pengenalan diri, bidang pekerjaan dan alamat asal tempat tinggal;
- (d) lain-lain butir-butir yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Penyakit hendaklah dilapor

13. Pemegang lesen rumah tumpangan apabila mendapati ada penumpang di rumah itu menghidap penyakit berjangkit, hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Yang Dipertua.

Bilik-bilik hendaklah disembur

14. Pemegang lesen rumah tumpangan tidak boleh membenarkan mana-mana orang walau apapun, untuk menyewa mana-mana bilik yang telah berlakunya satu kes penyakit berjangkit sehingga bilik itu telah dibasmi kuman sepenuhnya sehingga memuaskan Yang Dipertua.

Kawalan kebersihan dan struktur

15. (1) Pemegang lesen hendaklah menjaga premis-premis berlesen di dalam keadaan bersih dan bebas daripada kekotoran.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyebabkan semua ruang tangga di dalam premis-premis berlesen pada setiap masa diterangi dengan pencahayaan, peredaran udara yang cukup dan dilengkapi dengan tempat berpegang pada tangga-tangga.

(3) Pada bila-bila masa yang sesuai, Yang Dipertua boleh mengarahkan premis-premis berlesen atau sebahagian daripadanya ditutup buat sementara sahaja untuk kerja-kerja pembersihan premis-premis, termasuk juga kerja-kerja mengecat atau apa-apa jua pengubahsuaian struktur yang mana difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

(4) Tiada premis-premis yang diberikan lesen di bawah undang-undang kecil ini sehingga dinding-dinding luar, tangga-tangga, siling-siling dan bumbung dibina daripada bahan-bahan kalis api berserta dengan bangunan strukturnya dibina mengikut kehendak-kehendak yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Kn.PU. 9/1986).

Mengadakan tong sampah

16. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan sampah.

- (2) Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong atau bekas sampah.
- (3) Semua sampah-sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana diarahkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
- (4) Sampah-sarap boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Tidur di ruang dapur dan lain-lain dilarang

17. (1) Tiada bilik di dalam mana-mana rumah tumpangan yang digunakan sebagai dapur tempat menyediakan makanan boleh digunakan atau dihuni sebagai tempat tidur.
- (2) Tiada bilik tidur atau ruangan bilik yang kecil di dalam mana-mana rumah tumpangan boleh digunakan sebagai tempat menyediakan apa-apa jua makanan untuk jualan.

Bekalan air

18. Di tempat atau premis yang dilesenkan hendaklah diadakan bekalan air paip yang disambungkan ke sesalur utama air dari bekalan air awam.

Pengambilan pekerja-pekerja

19. Pengambilan dan syarat-syarat perjawatan pekerja-pekerja bagi mana-mana rumah tumpangan hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja 1955 [Akta 265].

Kuasa memasuki dan memeriksa premis-premis

20. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua bagi maksud itu boleh pada setiap masa yang munasabah—
 - (a) memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan atau yang mana Yang Dipertua atau pegawai itu mempercayai dengan munasabahnya adalah digunakan bagi maksud rumah tumpangan;
 - (b) meminta daripada pemegang lesen atau mana-mana pekerjanya apa-apa maklumat mengenai penggunaan rumah tumpangan itu.

Menghalang pegawai menjalankan tugas

21. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah menghalang, menahan atau membantu menghalang atau menahan mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana orang yang membantu pegawai yang sedemikian dalam menjalankan tugasnya di bawah undang-undang kecil adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Tiada liabiliti atas pegawai-pegawai

22. Tiada apa-apa liabiliti boleh dikenakan ke atas Majlis atau mana-mana pegawai berkenaan atas mana-mana kerugian atau kecacatan yang berjangkit dari perjalanan kuasa-kuasa yang sah di bawah undang-undang kecil ini atau pegawai itu tidaklah boleh menjadi subjek atas apa-apa jua tindakan, dakwaan, tanggungan atau tuntutan yang berbangkit dari perjalanan kuasa itu dengan sahnya.

Pencegahan kebakaran

23. Pemegang lesen hendaklah mengenal pasti di dalam tempat atau premis yang dilesenkan, perkara-perkara berikut—

- (a) bahawa kelengkapan melawan kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan Majlis;
- (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan disenggarakan; dan
- (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibuat dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah.

Bising/kacau ganggu

24. Pemegang lesen rumah tumpangan hendaklah jangan membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacau ganggu atau melakukan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan atau menjadi kacau ganggu.

Penalti

25. Seseorang yang tidak mempunyai lesen menyebabkan atau membenarkan untuk diguna mana-mana premis sebagai rumah tumpangan atau melanggar mana-mana syarat yang terkandung dalam sesuatu lesen tersebut adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan berterusan, denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa mengkompaun

26. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh menurut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam undang-undang kecil ini atau pelanggaran mana-mana syarat di bawahnya dengan menerima sejumlah wang tidak melebihi lima ratus ringgit.

Menutup aurat

27. Pemegang lesen hendaklah semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya jika ia lelaki atau wanita Islam memastikan dirinya dan semua pekerjaannya lelaki atau wanita yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen lelaki atau wanita dan pekerjaannya lelaki atau wanita bukan beragama Islam, hendaklah memakai pakaian sopan.

Penyitaan

28. (1) Apa-apa barang atau benda yang digunakan berhubung dengan mana-mana rumah tumpangan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini boleh disita oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua dan dipindahkan dan ditahan, atas risiko pemunyanya, di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(2) Apa-apa barang atau benda tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan serta-merta mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan, kerugian atau kemusnahan benda atau barang-barang yang ditahan dan tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat terhadap Majlis.

Tuntutan barang-barang yang disita

29. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang atau benda yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 28, boleh menuntut barang-barang atau benda itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh satu minggu daripada tarikh barang-barang atau benda itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan oleh Majlis;

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang atau benda yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh satu minggu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang atau benda itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua. Dan sekiranya selepas pelupusan tiada tuntutan dibuat dalam tempoh satu bulan ke atas hasil pelupusan tersebut maka hasil itu hendaklah dirampas menjadi hak Majlis.

JADUAL**FI LESEN**

(Undang-Undang Kecil 3)

Jenis-jenis Rumah Tumpangan/Hotel	Fi Lesen Yang Dibayar Setahun (RM)
1. Rumah Tumpangan Awam	36 – 500
2. Hotel—	
(i) 4 bilik pertama @ sebahagian daripadanya	100.00
(ii) Tambahan tiap-tiap satu bilik	20.00

Dengan syarat bahawa setengah dari mana-mana jua fi di atas boleh dikenakan di dalam hal di mana sesuatu lesen itu diberikan bagi tempoh enam bulan atau kurang.

Dibuat pada 28 Mac 2011
[MDGM BIL:3/2011]

HAJI WAN MUSTAPHA BIN WAN AB. HAMID
Yang Dipertua
Majlis Daerah Gua Musang

Disahkan pada 21 September 2011
[SUK.D.200(05)849/9 Jld.2(5)]

AB. PATTAH BIN HASBULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kelantan

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)**

**BOARDING HOUSES
(GUA MUSANG DISTRICT HOUSES) BY-LAWS 2012**

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation and application
2. Interpretation
3. License
4. Application for a license
5. Form a license
6. Validity of license
7. Exemption from license
8. Transfer of a license
9. License to be exhibited
10. Scale of accommodations of rooms in boarding houses
11. Bathing and latrine accommodation
12. Register to be kept
13. Disease to be reported
14. Rooms to be disinfected
15. Sanitation and structure
16. Provision of refuse bins
17. Sleeping in kitchen etc, forbidden
18. Water supply
19. Employment
20. Power to enter and inspect premises
21. Obstructing an officer in the performances of duties
22. No liability on officers
23. Fire precautions
24. Noise/nuisance
25. Penalties
26. Power to compound
27. Covering aurat
28. Seizure
29. Claims of seized goods or articles

SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

BOARDING HOUSES
(GUA MUSANG DISTRICT HOUSES) BY-LAWS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Gua Musang District Council makes, and in pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Boarding Houses (Gua Musang District Council) By-Laws 2012** and shall apply to the whole area of Gua Musang District Council.

Interpretation

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires—

“aurat” means for woman is the whole body of a woman except her face and both hands; for man is a part of from his navel to both knees;

“Council” means the Gua Musang District Council;

“attire covering aurat” means for a woman is an attire or outfit of a Muslim woman covering the whole body except her face and both hands and it shall not be tight or thin that will allow her body shape to be seen and the attire for man is covering from his navel to both knees;

“licensees” means any person to whom a license has been granted under these by-laws and includes any person in charge of or exercising control of the licensed premises;

“infectious disease” means any disease specified as a dangerous infectious disease under section 2 of the Quarantine and Prevention of Disease Ordinance 1939 [Ord.52/1939];

“licensed premises” means any house or building or part thereof licensed under these by-laws;

“boarding houses” includes a hotel and any place where accommodation is provided for the harbouring or lodging of five or more persons for any kind whatsoever, for hire a reward and where any domestic service whatsoever is rendered by the owner, leaser, principal tenant, occupier or manager to any of the persons so harbored or lodged and includes any other lodging house;

“Secretary” means the secretary of the Gua Musang District Council;

“President” means the President of the Gua Musang District Council and includes the Deputy President;

License

3. (1) No person shall use any place or premises within the Gua Musang District Council area as a boarding house unless he is licensed to do so by the Council.

(2) Fee payable for a license under these by-laws shall be prescribed in the Schedule.

Application for a license

4. (1) Every application for a license shall be made in writing to the President in such form as the President may prescribe.

(2) Where an application for a license is granted, the President shall require the applicant to submit two passport-sized photographs of the applicant which shall portray a recognizable likeliness of applicant.

(3) The President may require any applicant for the issue or renewal of a license to attend in person or in the case of a corporation or firm, an authorized representative of that corporation or firm to attend, at the time of issue or renewal of such license.

Form a license

5. (1) Every license issued under these by-laws shall be in such form as the Council may from time to time prescribe.

(2) The Council may impose terms, conditions and restrictions on any license as it thinks fit and may add, vary, delete or amend the said terms, conditions and restrictions without giving any reason.

(3) Every license shall be revocable or suspended by the Council at any time without assigning any reason thereof and any fee paid for a license shall not be refunded upon the revocation or suspension of a license.

(4) The Council may at its discretion refuse to grant or renew any license without assigning any reason therefore.

Validity of license

6. (1) A license shall unless sooner suspended or cancelled by the Council remains in force for one year commencing from the date a license is issued and shall expire until or on twelve months from the issued date.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the Council may extend the validity of a license for a period of not more than three years commencing from the date a license is issued and shall expire on the year a license expires.

Provided that the fee payable for a license shall be charged annually.

Except if cancelled by the Council before."

Exemption from license

7. (1) The Council may grant exemption from license or fees to any boarding house as it thinks reasonable.

(2) The Council may grant exemption to any person from any provision of these by-laws as it deems fit.

Transfer of a license

8. (1) License are not transferable but the council may, during the validity of a license, on application of the holder thereof, authorized its transfer to another person.

(2) The transfer fee payable shall be twenty percent of any license fee as prescribed in the Schedule of these By-Laws.

License to be exhibited

9. Every licensee shall keep his license exhibited at all times in some prominent and accessible place on the licensed premises and produce or cause to be produced when required to do so by any officer of the Council.

Scale of accommodations of rooms in boarding houses

10. (1) At the time of issuing any license for boarding house, the President shall assign to every room in such boarding house a printed ticket showing the number of persons who may be accommodated in such room.

(2) The number of persons shall be calculated with reference to the cubic capacity of the rooms, and so that in case of a sleeping room the pair space shall be allowed as follows—

(a) not less than four hundred cubic per feet (11.3 cubic meters) for each adult; and

(b) two hundred and fifty cubic per feet (7 cubic meters) for each child under age eleven

Provided that in measuring such air space at the height of more than ten feet (3 meters) from the floor of such room shall be taken into consideration.

(3) The licensee shall keep every such ticket conspicuously displayed on the wall of the room which was assigned by the President, and no person in excess of the number shown on the ticket assigned to any room shall be accommodated therein.

Bathing and latrine accommodation

11. No license shall be granted for the use as a boarding house or any house or building which does not satisfy the following requirements—

- (a) there shall be proper accommodation for washing and bathing;
- (b) there shall be sufficient latrines as approved by the President;
- (c) the construction, lighting and ventilation of every latrine shall be such as approved by the President.

Register to be kept

12. The licensee of a boarding house shall keep a true register in which shall be entered the following particulars of all persons making use of such boarding house—

- (a) name, nationality, age and sex;
- (b) date of arrival and date of departure;
- (c) identity card number, passport or any other form of identification, occupation and original address of place of abode;
- (d) any other particulars as directed by the President.

Disease to be reported

13. A licensee of a boarding house on becoming aware that any person in such house is suffering from an infectious disease shall immediately report to the President.

Rooms to be disinfected

14. A licensee of a boarding house shall not permit any person whatsoever, to occupy any room in which there has been thoroughly disinfected to the satisfaction of the President.

Sanitation and structure

15. (1) A licensee shall keep the licensed premises in a clean sanitary conditions.
- (2) A licensee shall cause all staircases in the licensed premises at all time to be well lighted, ventilated and provided with stair rails.
- (3) At any suitable time, the President may direct the licensed premises or such part thereof to be temporary closed for thorough cleansing of the premises, as well as line or colour washing, painting or any structural alterations which may be considered necessary by the President.
- (4) No premises shall be licensed under these by laws unless, the external walls, staircases, ceilings and roof are constructed of fire-resisting materials together with the building structurally constructed on accordance with the requirements provided in the Uniform Building By-Laws 1986 (Kn.P.U.9/1986)

Provision of refuse bins

16. (1) Every licensee shall provide adequate refuse bins or receptacles as may be necessary for the reception of refuse.
- (2) All waste shall be placed in plastic bag or other suitable containers before they are deposited in refuse bins or receptacles.
- (3) All waste refuse bins or receptacles shall be disposed of in such manner as may be directed by the Council from time to time.
- (4) All waste may be collected by the Council on payment as prescribed by the President.

Sleeping in kitchen etc forbidden

17. (1) No rooms in any boarding house appointed for use as a kitchen or scullery shall be used or occupied as a sleeping apartment.
- (2) No bedroom or cubicle in any boarding house shall be used for the preparation of any food for sale.

Water supply

18. There shall be made available on the licensed places or premises water supply from a tap connected to the water mains from public water supply.

Employment

19. Requirement of employees and conditions of service in any boarding houses shall comply with the requirements as being provided under the Employment Act 1955 [Act 265].

Power to enter and inspect premises

20. The President or any officer of the Council duly authorized by him in writing in that behalf may—

- (a) enter and inspect any premises, which is used or which the President or such officer reasonable believes is being used for the purpose of a boarding houses; and
- (b) require from the licensee or any of his employees any information regarding the management of the boarding house.

Obstructing an officer in the performances of duties

21. Any person who without any lawful excuse obstructs, impedes or assists in obstructing or impeding any officer of the Council or any person in the assistance of such officer in the exercise of his duties under these by-laws is guilty of an offence under these by-laws.

No liability on officers

22. No liability shall be attached to the Council or any officer for any loss or damages arising from the lawful exercise of any of the powers under these by-laws or such officer shall not be the subject of any act, suit, liability or claim whatsoever arising from the lawful exercise of such powers.

Fire precautions

23. The licensee shall ensure in the licensed place or premises the following-

- (a) that adequate fire fighting equipment are installed to the satisfaction of the Council;
- (b) the adequate staircases and adequate exits are provided and maintained; and
- (c) that all staircases, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions and every door therein so constructed and fitted as to be readily opened.

Noise/nuisance

24. The licensee of a boarding house shall not create or cause any noise so as to constitute a nuisance or to cause any other things as to cause or create nuisance.

Penalties

25. Any person who without a license cause or permits to be used any premise as a boarding house or contravenes any condition stipulated in the license thereof is guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both, and in the case of continuing offence, a fine not exceeding two hundred ringgit for every day that the offence is continued after conviction.

Power to compound

26. The President or any other officers authorized in writing by him may in his discretion compound any offence prescribed by these by-laws or breach of any conditions there under by accepting a sum of money not exceeding five hundred ringgit.

Covering aurat

27. The licensee shall in the course of her trade, business and industries if she or he is a Muslim woman or man, wears an attire covering aurat and ensure that all her Muslim woman or man employees to wear the same and if the licensee and the employees are non-Muslim to wear proper attire.

Seizure

28. (1) Any goods or article used in connection with any operation of boarding houses without a license issued under these by-laws may be seized by the President or any officer authorized by the President and removed to and detained, at the risk of the owner, at such place as may be determined by the President.

(2) Any perishable goods or articles seized under paragraph (1) of these by-laws may be disposed of at once in such manner as the President may determine.

Claims of seized goods or articles

29. Any person having any claim to any of the goods or articles that have been removed and detained under by-law 28 may claim the same one week from the date of seizure subject to such conditions as may be imposed by the President and subject to the payment of the fees as prescribed by the Council;

Provided that in the event of there being no claim made to any of the goods or articles that have been removed and detained within the specified period of one week, the President may dispose of the said goods or articles in such manner as the President may think fit and if after the date of disposal there being no such claim made in one month to the proceeds found by way of disposal so the proceeds shall be seized to the possession of the Gua Musang District Council.

SCHEDULE

LICENSEE FEES

(By-Laws 3)

Type of Boarding House/Hotel	License Fee Payable Per Annum (RM)
1. Common lodging house	36 – 500
2. Hotel—	
(i) First 4 rooms or part thereof	100.00
(ii) Every traditional room	20.00

Provided that one half of the above fees may be charged in the case of license granted for a period of six months or less.

Made on 28 March 2011
[MDGM BIL: 3/2011]

HAI WAN MUSTAPHA BIN WAN AB. HAMID
President
Gua Musang District Council

Confirmed on 21 September 2011
[SUK.D.200(05)849/9 Jld.2(5)]

AB. PATAH BIN HASBULLAH
Clerk of State Executive Council
Kelantan